

ABSTRAK

Masalah tingkah laku agresif pada remaja selama beberapa dekad telah membimbangkan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara kesan program bimbingan dan kaunseling dan tingkah laku agresif di kalangan pelatih remaja seperti Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan di jalankan di institusi pemulihan yang menempatkan pelatih dimana pelatih perlu menjalani proses pemulihan disebabkan oleh kesalahan tertentu yang dilakukan oleh mereka. Seramai 79 orang pelatih yang terdiri dari pelbagai umur dijadikan sebagai sampel kajian. Data kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji. Seterusnya, data ini dianalisis dengan menggunakan analisis statistik yang boleh dilakukan dengan sistem perisian komputer yang canggih dan efisien iaitu melalui Statistical Package for Social Sciences 21.0 (IMB SPSS 21). Kajian ini ingin menentukan tahap setiap pembolehubah dengan menentukan nilai min. Pengkaji juga mengkaji hubungan serta pengaruh keatas setiap pembolehubah dengan menggunakan kaedah analisis inferensi iaitu korelasi *pearson*.